

KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

**PERMOHONAN PERTUKARAN LESEN MEMANDU PERCUBAAN (PDL)
KEPADA LESEN MEMANDU KOMPETEN (CDL) KINI
MELALUI APLIKASI MyJPJ**

PUTRAJAYA, 16 FEBRUARI 2025 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa menambah baik penyampaian perkhidmatan JPJ secara digital dengan memperkenalkan fungsi baharu iaitu **Permohonan Pertukaran Lesen Memandu Percubaan (PDL) Kepada Lesen Memandu Kompeten (CDL) melalui aplikasi MyJPJ**. Fungsi ini boleh diakses oleh para pemegang Lesen Memandu Percubaan (PDL) yang layak untuk membuat pertukaran kepada lesen CDL bermula 17 Februari 2025 (Isnin).

Pengenalan fungsi baharu tersebut bertujuan untuk memudahkan orang ramai membuat permohonan CDL secara dalam talian, tanpa perlu hadir ke kaunter JPJ. Dengan adanya fungsi baharu ini, seramai 2,383,043 pemegang lesen PDL boleh melaksanakan permohonan CDL melalui Aplikasi MyJPJ pada bila-bila masa dan di mana sahaja, menerusi telefon pintar mereka.

Fungsi baharu permohonan CDL melalui aplikasi MyJPJ mempunyai kelebihan-kelebihan seperti berikut :

- i. **Mudah dan Cepat:** Proses permohonan CDL menjadi lebih mudah dan cepat dengan hanya beberapa langkah di aplikasi MyJPJ.
- ii. **Jimat Masa:** Pemohon tidak perlu lagi meluangkan masa untuk pergi ke kaunter JPJ.
- iii. **Fleksibel:** Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana sahaja.
- iv. **Mesra Pengguna:** Aplikasi MyJPJ direka dengan antara muka yang mesra pengguna, memudahkan semua golongan untuk menggunakan fungsi baharu ini.


Para pemegang lesen PDL boleh melakukan permohonan CDL melalui cara-cara berikut di aplikasi MyJPJ :

1. Muat turun atau kemas kini **aplikasi MyJPJ** ke versi terkini.
2. **Log masuk** ke akaun MyJPJ anda.
3. Pilih menu "**Permohonan CDL**".
4. Pilih "**Tempoh Pembaharuan**"
5. Pilih "**Mod Bayaran**" dan **bayar fi permohonan** secara dalam talian.
6. Permohonan anda akan diproses dan anda akan menerima **notifikasi** status permohonan.

JPJ Malaysia berharap inisiatif ini akan mempermudah urusan pemilikan Lesen Memandu Malaysia (LMM) secara digital tanpa mengambil masa yang lama seterusnya salah satu usaha JPJ untuk mengurangkan kesesakan kaunter. Pihak JPJ sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti dan mutu penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
16 FEBRUARI 2025**

PERMOHONAN CDL MELALUI APLIKASI MyJPJ



Sebarang Pertanyaan Hubungi : ☎ 03 - 2724 2522

Get it on
Google Play

Available on the
App Store

Download on the
AppGallery



www.jpj.gov.my